

MAHATHIR

KUCHING, 22 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN SUPAYA SEMUA PERSATUAN BELIA MENJADI PENGGERAK KEPADA RAKYAT DALAM MENGHADAPI CABARAN PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

KATANYA, PERSATUAN-PERSATUAN BELIA TIDAK SEHARUSNYA MEMIKIRKAN TENTANG KEPENTINGAN DIRI SENDIRI TETAPI HENDAKLAH MENAIKKAN SEMANGAT RAKYAT SUPAYA MENERIMA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN YANG DIRANCANGKAN OLEH KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA BELIA MESTILAH BERANI BERDIRI MENGHADAPI SEBARANG CABARAN DENGAN SEMANGAT UNTUK MELAWAN SEGALA TENTANGAN YANG MENGHALANG PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN NEGARA.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN WISMA SABERKAS (PERTUBUHAN BELIA KEBANGSAAN BERSATU SARAWAK) SETINGGI 20 TINGKAT YANG MENELAN BELANJA \$70 JUTA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMINTA PARA BELIA SUPAYA TERLEBIH DAHULU MENGUBAH SIKAP DAN PEMIKIRAN MEREKA SEJAJAR DENGAN PEREDARAN ZAMAN. -- LAGI

1401MST 22 08 85

MAHATHIR 2 KUCHING

HANYA SETELAH MEMPUNYAI SIKAP DAN PEMIKIRAN YANG BARU ITU, BARULAH MEREKA MEMBIMBING RAKYAT, YANG MASIH MENGANUTI PEMIKIRAN LAMA, SUPAYA MENERIMA PERUBAHAN-PERUBAHAN BARU YANG SEDANG MELANDA NEGARA SEKARANG.

+ KITA HARUS IKUT PEREDARAN MASA, JIKA TIDAK KITA AKAN TERTINGGAL DAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MENYAINGI KEMAJUAN YANG DINIKMATI OLEH NEGARA LAIN.=

BELIAU SETERUSNYA MENGINGATKAN PERSATUAN-PERSATUAN BELIA SUPAYA BERSEEDIA MULAI SEKARANG MENCEBURI DIRI DALAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BESAR MEMANDANGKAN KEUNTUNGAN JANGKA PANJANG ADALAH LEBIH BESAR BERBANDING DENGAN KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI DARIPADA USAHA-USAHA KECIL-KECILAN.

SEBELUM ITU, KATANYA, MEREKA HENDAKLAH MELENGKAPI DIRI DENGAN PENGETAHUAN DAN SELOK-BELOK PENGURUSAN PERNIAGAAN SUPAYA PENCEBURAN KE ALAM PERNIAGAAN SECARA BESAR-BESARAN TIDAK MEMBAWA KERUGIAN DI MASA HADAPAN.

KATA PERDANA MENTERI, JIKA SALAH PENGURUSAN ATAU PENGURUSAN YANG TIDAK AMANAH APA JUA BIDANG YANG DICEBURI PASTI MENGALAMI KERUGIAN. -- LAGI

1404MST 22 08 85

MAHATHIR 3 KUCHING

BELIAU MENEGASKAN PERSATUAN-PERSATUAN BELIA YANG MEMPEROLEHI KEJAYAAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN AGAR SANGGUP MELABURKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEUNTUNGAN MEREKA UNTUK MENOLONG KERAJAAN MEMAJUKAN NEGARA.

+TIDAK ADA GUNA SESEBUAH PERTUBUHAN ITU MAJU DENGAN KEUNTUNGAN YANG BESAR SEKIRANYA NEGARNYA BERADA DALAM KUCAR-KACIR YANG AKHIRNYA BOLEH MENGAKIBATKAN PERNIAGAAN PERTUBUHAN ITU GAGAL.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUJI SARAWAK ATAS KEPESATAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DICAPAI DALAM TEMPOH LEBIH 20 TAHUN SEJAK IA MENCAPAI KEMERDEKAAN MENERUSI MALAYSIA.

KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, YANG JUGA PRESIDEN SABERKAS, BERKATA SABERKAS MERANCANG MENCEBURI DALAM SATU SKIM TANAH SECARA BESAR-BESARAN DI BAHAGIAN KEEMPAT SELARAS DENGAN MATLAMATNYA UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP KAUM BELIA DI SARAWAK.

YANG TURUT HADIR DI PERASMIAN ITU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI, DATIN PATINGGI HAJAH LAILA TAIB, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATUK SULAIMAN DAUD DAN MENTERI-MENTERI KABINET NEGERI. -- BERNAMA

1409MST 22 08 85